

Siswa UPM buka

kedai buku

Oleh Khairina Yasin

kayrina@bharian.com.my

MENCEBURI bidang perniagaan bukanlah impian Abu Na'im Bakri ketika kecil, namun segala-galanya berubah selepas nasihat rakannya diambil kira terutama ketika menimbangkan risiko berniaga buku membabitkan modal yang agak besar sementara untungnya pula tidak seberapa.

Bermula dengan menjual majalah ilmiah secara terus kepada rakan di kolej kediaman, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Akuakultur), Universiti Putra Malaysia (UPM) kini mampu berbangga apabila memiliki kedai buku sendiri dikenali Danau Ilmu Daie (D'Daie).

Berkongsi kejayaan itu, Abu Na'im berkata, D'Daie kini beroperasi di lot kedai, Kompleks Mahasiswa UPM dengan memfokuskan jualan buku dan majalah motivasi, keagamaan selain novel Islam yang menjadi pilihan kebanyakan mahasiswa

hari ini.

"Sambutan pada bulan pertama perniagaan cukup menggalakkan apabila 330 buku berjaya dijual dengan nilai jualan mencecah RM3,000.

la cukup mengujakan, malah membuatkan saya lebih bersemangat untuk mengembangkan perniagaan ini.

"Saya juga menyediakan perkhidmatan tempahan buku berdasarkan permintaan pelanggan dan kebiasaannya novel Islam antara buku tempahan terlaris diterima setakat ini," katanya.

Tidak terikat dengan jualan buku di lot kedainya, Abu Na'im turut mengambil peluang membuka gerai jualan ketika berlangsungnya program anjuran universiti mahupun kolej sebagai strategi mempromosikan kedai bukunya.

Beliau turut memanfaatkan

penggunaan internet sebagai medium komunikasi dan pemasaran khususnya menerusi laman sosial Facebook selain melebarkan sayap kenalan dengan mahasiswa universiti lain.

"Kepentingan internet dalam dunia perniagaan sememangnya tidak dapat disangkal, namun jika kita memanfaatkan kedua-duanya (perniagaan internet dan konvensional) lagi bagus.

"Setiap orang mempunyai minat yang berbeza, ada yang suka datang ke kedai buku untuk melihat sendiri koleksi yang dijual, ada pula yang lebih senang mendapatkannya menerusi internet. Sebagai usahawan, kita perlu pelbagaikan strategi jualan selain peka kepada kehendak pelanggan," katanya.

Beliau yang mendapatkan stok buku terus daripada penerbit mengakui apa yang diusahakannya itu untuk membudayakan minat membaca dan mencintai buku khususnya kalangan mahasiswa kerana bimbang budaya ini semakin terhakis dalam generasi

muda hari ini.


Menyifatkan kedai buku sebagai pasar ilmu, Abu Na'im berkata, ia juga sinonim dengan gaya hidup sarjana dan mahasiswa kerana di situlah terhimpun segala koleksi ilmu dan pengetahuan ilmuwan boleh dibeli mahasiswa dan pencinta ilmu.

Menyimpan impian memiliki gedung buku sendiri, beliau yakin ia tidak mustahil dicapai jika ada kesungguhan, komitmen dan yakin dengan keupayaan diri sendiri selain sentiasa berfikiran positif.

"Dunia perniagaan hari ini semakin bersaing dan mencabar. Sebelum menceburi bidang itu, kita perlu kekuatan fizikal dan mental. Bukan setakat itu saja, kita juga perlu menimba pengalaman agar belan bertindak yang dirancang menjadi lebih berkesan di samping ketabahan dalam menempuh berbagai risiko sebelum mencipta kejayaan.

"Paling penting, sentiasa bersedia kerana dalam perniagaan ini, ada jatuh bangunnya. Saya enggan putus asa kerana apa yang saya lakukan hari ini suatu hari bakal menjamin masa depan saya kelak," katanya.





MINAT membaca mendorong Abu Na'im menjalankan perniagaan kedai buku di Kompleks Mahasiswa UPM.